

Tempoh kempen yang panjang boleh timbulkan ketegangan — Dr. M

UM - 8 OCT 1990

PULAU PINANG 7 Okt. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, berkata, tempoh kempen pilihanraya yang panjang boleh menimbulkan ketegangan kerana rakyat tidak akan dapat menumpukan pada perkara - perkara lain.

"Kalau panjang ia boleh menimbulkan ketegangan. Orang tidak boleh menumpukan pada perkara lain ... hanya nampak pilihanraya sahaja," katanya.

"Lebih cepat pilihanraya itu diselesaikan, lebih baik," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan para pemimpin UMNO Balik Pulau di sini hari ini.

(LIHAT MUKA 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

BOLEH TIMBULKAN KETEGANGAN

Beliau berkata demikian sebagai mengulas dakwaan pembangkang kononnya tempoh kempen sepuluh hari yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya akan hanya memberi kelebihan kepada Barisan Nasional.

Sebagai contoh, kata beliau yang juga Presiden UMNO, tempoh kempen yang panjang pada pilihanraya 1969 telah akhirnya menimbulkan rusuhan.

Beliau juga menegaskan bahawa sudah lebih satu atau dua tahun rakyat mendengar kempen - kempen pilihanraya, malahan parti pembangkang telah berkempen serata tempat sejak 1987 lagi.

"Jika sudah sampai dua tahun mereka berkempen, rakyat tidak faham lagi... susahlah," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

SPR mengumumkan Jumaat lepas, bahawa tarikh penamaan calon di Semenanjung, Sabah dan Sarawak ditetapkan pada 11 Oktober 1990. Hari pengundian pada 21 Oktober di Semenanjung, manakala di Sabah dan Sarawak pada 20 dan 21 Oktober 1990.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga membidas permintaan pembangkang yang mahu akhbar memuatkan laporan - laporan mengenai mereka, sedangkan

tegas beliau, akhbar Harakah dan Rocket hanya memuatkan laporan yang memaki kerajaan bermula daripada muka pertama sampai akhir.

Beliau bertanya sama ada dua akhbar itu juga bersedia memberi laporan yang saksama kepada kerajaan?

"Jika mereka tak boleh, jadi macam mana mereka nak suruh orang lain?" kata beliau sambil menegaskan bahawa pembangkang bersifat tidak bersetuju dengan akhbar kalau tidak melaporkan yang baik (mengenai mereka) sehingga sanggup membakar akhbar.

Mengenai pertemuannya dengan para pemimpin UMNO hari ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, ia bertujuan untuk menyelesaikan beberapa perkara berhubung dengan masalah dalaman parti.

Sambil berkata, ia "masalah keluarga," beliau menjelaskan bahawa UMNO sebagai parti yang berdisiplin boleh menyelesaikan semua masalahnya.

Mengenai calon - calon Barisan Nasional di Pulau Pinang, beliau berkata, ia hampir selesai dan esok beliau akan menemui para pemimpin parti komponen Barisan Nasional untuk menentukan senarai calon yang akan bertanding termasuk di Sabah dan Sarawak.